

Buka gerai nasi padang bantu bekas banduan senasib

► **IZWANDI AZMAN**
izwandi@sph.com.sg

Seorang bekas banduan telah memilih membuka gerai nasi padang bagi membantu bekas banduan lain memulakan semula kehidupan mereka.

Berpegang kepada pendirian bahawa bekas banduan harus diberi peluang kedua dalam kehidupan, Encik Ismail Didih Ibrahim, 38 tahun, yang baru-baru ini keluar penjara, membuka The People's Nasi Padang dan secara khusus menggaji bekas banduan di gerainya.

Terletak di tengah-tengah pusat perindustrian Tai Seng, gerai itu dibuka pada Ogos bersebelahan gerai makanan Jepun, Ryo Yakuniku, yang juga dimiliki Encik Didih.

Encik Didih, anak kepada pengasas restoran Hajah Maimunah, memberitahu *Berita Harian* bahawa beliau "beruntung untuk meluangkan masa dalam penjara selama sembilan bulan".

"Saya dapat bertemu dengan orang berbeza dari pelbagai lapisan masyarakat dan mendengar kisah mereka... mereka melalui kesusahan tetapi masih mampu meneruskan kehidupan. Sedangkan bagi saya, saya dikurniakan banyak kelebihan dalam kehidupan jadi apa yang perlu saya mengadakan?"


"Kenapa Allah kurniakan saya kelebihan ini? Saya fikir ia adalah untuk membantu orang lain," katanya.

Selepas bergaul dengan banduan lain di penjara, Encik Didih menyedari mereka yang keluar masuk penjara banyak kali tidak berpeluang untuk meningkat kemahiran dan mencari prospek kerjaya.

Beliau dimasukkan ke penjara selama sembilan bulan kerana menyerang rumah bekas isterinya.

"Mereka selalunya tidak dapat penghormatan daripada kawan atau keluarga, jadi mereka kembali bergaul dengan pengaruh buruk. Tetapi di penjara, semua orang setanding, jadi mereka saling menghormati satu sama lain," jelasnya.

Di samping itu, Encik Didih menyifatkan The People's Nasi Padang bukan sekadar tempat bekerja untuk bekas banduan, malah tempat untuk mereka menjauhkan diri dari



BUKAN HANYA TEMPAT KERJA: Selain daripada memberi pekerjaan kepada bekas banduan, Encik Ismail Didih Ibrahim mahu memberi sokongan sosial kepada pekerjaannya. – Foto BH oleh IZWANDI AZMAN

pada masalah.

Sebagai seorang ahli Thye Hua Kwan (THK), sebuah badan tidak mencari untung (NPO), Encik Didih juga dalam proses membangunkan satu rangka kerja yang memerlukan pekerja barunya menerima kaunseling.

Malah, ini bukan pertama kali Encik Didih terlibat dengan THK. Beliau sebelum ini merupakan salah seorang penerima faedah program 'Brotherhood' THK yang menawarkan sokongan sosial kepada mereka yang mempunyai masalah emosi dan kemarahan.

"Apa yang saya cuba lakukan ialah menjalin hubungan dengan NPO lain supaya sesiapa yang bekerja dengan saya, mereka perlu menjadi sebahagian daripada NPO itu dan menerima sokongan sosial. Saya mahu mereka keluar dari lingkungan sosial semasa mereka yang menyumbang kepada banyak aspek negatif dalam kehidupan mereka," ujar-

nya.

Selain memberi peluang kedua kepada bekas banduan, The People's Nasi Padang menawarkan makanan yang harganya berpatutan bagi pekerja.

Selain daripada harga lauk yang tertera di hadapan gerainya, Encik Didih akan menyeras Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi membuat lauk-pauknya mampu dibeli pelanggan.

"Inilah sebab saya tidak meneruskan pekerjaan di Hajah Maimunah kerana restoran itu menawarkan sajian lebih bermutu.

"Tetapi kerana Hajah Maimunah dan The People's Padang menggunakan dapur pusat yang sama, saya boleh menurunkan kos operasi seperti membeli bahan secara pukal pada harga lebih rendah, sekali gus menyeras kos tambahan untuk pelanggan," jelas Encik Didih.

Summary translation of news article

The article featured Mr Ismail Didih Ibrahim from **THK** Brotherhood programme (**THK** Family Services). He shared his journey from being an ex-convict to a stall owner of The People's Nasi Padang in Tai Seng. While serving his time in prison, he learned that many convicts faced challenges in upskilling and finding employment for themselves.

He decided to take the opportunity to set up a stall and give other ex-convicts a second chance by offering them a job. This initiative not only provides employment but also creates a safe space for them to steer clear of negative activities. Currently, he is implementing a framework in which new staff will be required to undergo counselling sessions and receive social support.